



SURUHANJAYA PILIHAN RAYA MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

Bil. 57 / 2020

PENDAFTARAN PERIKATAN NASIONAL UNTUK BERTANDING DI PILIHAN RAYA UMUM DEWAN UNDANGAN NEGERI SABAH KE-16

1. Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR) ingin memperjelaskan kekeliruan seperti yang didakwa oleh pihak tertentu mengenai status pendaftaran Perikatan Nasional. Sehubungan itu, merujuk kepada kenyataan oleh Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (ROS), Perikatan Nasional (PN) sudah didaftarkan dengan sijil pendaftaran bernombor PPM-019-14-07082020 yang dilulus dan ditandatangani Pendaftar Pertubuhan (ROS) berkuat kuasa pada 7 Ogos lalu. PN telah didaftarkan di bawah Kategori Politik, selaras peruntukan Akta Pertubuhan 1966 (Akta 335).

2. Oleh yang demikian, tiada halangan bagi parti-parti di bawah gabungan Perikatan Nasional untuk bertanding di Pilihan Raya Umum Dewan Undangan Negeri Sabah Ke-16 di bawah tiket PN. SPR juga telah meluluskan penggunaan lambang PN untuk digunakan oleh parti-parti gabungan berkenaan ketika berkempen sepanjang PRU DUN ini berlangsung.

Sekian, terima kasih.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia

Tarikh: 15 September 2020 / 27 Muharam 1442H